

SULIT



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2018/2019**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN PROJEK
KOD KURSUS : DAC 31703
KOD PROGRAM : DAA
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2018/JANUARI 2019
JANGKAMASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN.
KERTAS SOALAN INI TIDAK
BOLEH DIBAWA KELUAR
DARI DEWAN PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **LIMA BELAS (15)** MUKA SURAT

TERBUKA

SULIT

- S1. Proses pengurusan projek merangkumi empat (4) elemen penting. Antara yang berikut, apakah elemen yang **TIDAK** termasuk dalam proses ini?
- A. Pengarahan (*directing*)
 - B. Penyusunan (*organizing*)
 - C. Pengawalan (*controlling*)
 - D. Penyelarasan (*coordination*)
- S2. Menurut *Project Management Institute* (PMI), apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan projek?
- A. Satu usaha sementara yang terdiri daripada beberapa siri aktiviti dan tugas yang dibuat untuk mencipta satu produk atau perkhidmatan yang unik
 - B. Satu usaha sementara yang terdiri daripada beberapa aktiviti yang perlu mematuhi beberapa objektif akhir
 - C. Satu usaha sementara yang memerlukan usaha dari pelbagai pihak untuk menghasilkan produk
 - D. Satu usaha sementara yang mempunyai tarikh awal dan tarikh akhir
- S3. Dalam proses pembinaan, beberapa objektif perlu dipatuhi. Antara yang berikut manakah objektif utama dalam proses pembinaan?
- i. Menyiapkan projek dalam masa yang ditetapkan
 - ii. Menyiapkan projek dalam lingkungan belanjawan
 - iii. Menyiapkan projek dengan pekerja yang optimum
 - iv. Menyiapkan projek mengikut lukisan dan spesifikasi
- A. i dan ii
 - B. iii dan iv
 - C. i, ii dan iv
 - D. i, ii, iii dan iv
- S4. Apakah yang dimaksudkan dengan *subproject*?
- A. Projek besar yang dibahagikan kepada beberapa projek kecil untuk memaksimumkan pengurusan dengan lebih baik
 - B. Projek yang dibahagikan kerjanya supaya dapat disiapkan dengan segera untuk mengurangkan kos
 - C. Projek yang dapat membantu mengurangkan kos, tenaga dan juga masa
 - D. Projek kecil yang dibahagikan kepada kontraktor-kontraktor kecil

TERBUKA

- S5. Antara yang berikut, siapakah yang memegang tanggungjawab terhadap sesuatu projek?
- A. Klien
 - B. Arkitek
 - C. Pengurus tapak
 - D. Pengurus projek
- S6. Bagaimanakah pasukan pengurusan projek menangani hal berkenaan dengan kerja dan sikap ahli pasukan projek?
- A. Melalui pihak ketiga
 - B. Melalui pemerhatian dan komunikasi
 - C. Melalui pengurus pekerja yang ada di tapak
 - D. Melalui soalan tertutup semasa mesyuarat pasukan
- S7. Pada permulaan pelaksanaan projek, anda melihat pendapat yang berbeza antara pasukan ahli yang berkaitan dengan kerja projek dan hasil dan tahap keseluruhan kerumitan. Apa yang perlu anda lakukan?
- A. Gunakan pendekatan berbincang secara peribadi dengan setiap ahli pasukan untuk memberitahu mereka jangkaan dan keperluan anda dalam suasana keyakinan.
 - B. Berikan ahli pasukan anda masa untuk membangunkan pemahaman umum tentang skop projek dan skop produk. Masalah yang akan datang mungkin diselesaikan kemudian.
 - C. Gunakan proses pengurusan risiko untuk mengenal pasti dan menilai risiko yang disebabkan oleh kekeliruan dan membangunkan rancangan dengan langkah untuk mengatasi.
 - D. Mengadakan mesyuarat untuk mengenal pasti dan menyelesaikan kekeliruan serta salah faham antara ahli-ahli pasukan untuk mengelakkan masalah komunikasi dan perpecahan.
- S8. Anda sebagai pengurus projek sedang dalam proses merancang sesuatu projek dan mendapati para pemegang saham sering berubah objektif dan keperluan. Ini menjadikan sukar untuk tampil dengan pelan yang mana semua objektif perlu dipenuhi. Apa tindakan yang paling efektif untuk mencapai kesefahaman antara anda dan klien?
- A. Minta pihak pemegang amanah untuk membina kumpulan tumpuan (*focus group*) untuk berbincang dan membetulkan kepentingan yang bercanggah.
 - B. Membenarkan setiap pihak pemegang amanah untuk menulis pernyataan kerja dan menggabungkan dokumen kepada pernyataan skop projek.
 - C. Buat dokumen lengkap yang menggambarkan pandangan anda dan minta pihak berkepentingan untuk mengkaji semulanya.
 - D. Gunakan kuasa anda sebagai pengurus projek untuk membuat keputusan terhadap percanggahan objektif.

A red rectangular stamp with the word "TERBUKA" in bold, uppercase letters.

- S9.** Anda adalah pengurus projek untuk pembangunan loji janakuasa baru. Projek anda membuat kemajuan yang cepat, dan semakin dekat hingga ke hari penerimaan produk. Teknik mana yang paling penting untuk produk penerimaan?
- A. Audit kualiti
 - B. Pemeriksaan
 - C. Analisis impak
 - D. Kajian pasukan
- S10.** Anda telah mengambil alih tugas pengurus projek pada peringkat kajian kemungkinan, apakah tindakan yang perlu untuk proses seterusnya?
- A. Pembinaan
 - B. Rekabentuk
 - C. Penyiapan dan penyerahan
 - D. Tender dan pemilihan kontraktor
- S11.** Pengurus projek perlu memiliki
- A. Pengetahuan sumber galian
 - B. Pengetahuan terhadap projek
 - C. Pengetahuan struktur organisasi
 - D. Pengetahuan kebajikan masyarakat
- S12.** Berikut adalah tanggungjawab pasukan pengurus projek, **KECUALI**
- A. Menasihati pihak kontraktor
 - B. Memenuhi matlamat pelanggan
 - C. Memantau perkembangan projek
 - D. Menyediakan peluang pekerjaan
- S13.** Tujuan pengurus projek dilantik, **KECUALI**
- A. Mengkaji teknologi terkini
 - B. Menjaga kepentingan pelanggan
 - C. Mengesyorkan rekabentuk skema
 - D. Meringankan tanggungjawab pelanggan
- S14.** Kejayaan pengurusan projek diukur melalui
- A. Menyediakan peluang pekerjaan
 - B. Memenuhi perjanjian kontrak
 - C. Mematuhi arahan majikan
 - D. Menyelia pihak berkuasa

TERBUKA

S15. Kepentingan sesebuah organisasi adalah seperti berikut, **KECUALI**

- A. Perancangan kemahiran
- B. Pembahagian tugas
- C. Memudahkan kerja
- D. Peruntukan efektif

S16. Fungsi sesebuah organisasi adalah

- A. Perancangan dan penyusunan
- B. Pentadbiran dan pengurusan
- C. Pengalaman dan hukuman
- D. Penilaian dan pelupusan

S17. Ciri organisasi fungsian adalah

- A. Arahan dari bawah ke atas
- B. Maklum balas dari atas ke bawah
- C. Maklum balas dari bawah ke atas
- D. Kuasa diterajui oleh pengurus projek

S18. Kebaikan struktur organisasi projek adalah

- A. Sesuai untuk tempoh projek yang panjang
- B. Fungsi dan kedudukan individu jelas
- C. Sesuai bagi organisasi sederhana
- D. Integrasi kepakaran lebih efektif

S19. Kelemahan struktur organisasi matrik adalah

- A. Menghilangkan pengkhususan teknikal
- B. Penyampaian maklumat lebih tepat
- C. Sesuai bagi projek yang kompleks
- D. Memerlukan ramai pengurus

S20. Faktor pemilihan struktur organisasi adalah

- A. Pengawasan dan pengawalan
- B. Corak sistem komunikasi
- C. Perhubungan formal
- D. Pengaruh teknologi

TERBUKA

- S21.** Berikut adalah jenis-jenis tender yang diamalkan di dalam negara kita, **KECUALI**
- A. Tender Anugerah
 - B. Tender Terbuka
 - C. Tender Terpilih
 - D. Tender Terhad
- S22.** Tender Terbuka merupakan kaedah yang dianggap adil kerana
- A. Semua kontraktor layak menyertainya
 - B. Boleh mendapatkan harga yang terendah.
 - C. Terbuka kepada kontraktor bumiputra sahaja
 - D. Hanya kontraktor yang berpengalaman layak menyertainya
- S23.** Berikut adalah kebaikan tender kaedah tradisional, **KECUALI**
- A. Memberi peluang kepada semua kontraktor
 - B. Harga tender yang dipilih adalah lebih rendah
 - C. Sesuai untuk tender yang memerlukan kepakaran khusus
 - D. Majikan mempunyai pilihan untuk menentukan kontraktor
- S24.** Berikut adalah kontrak berdasarkan kaedah perolehan, **KECUALI**
- A. Kontrak Reka dan Bina
 - B. Kontrak Persefahaman
 - C. Kontrak Pengurusan
 - D. Kontrak Tradisional
- S25.** Sekiranya berlaku kegagalan bangunan berpunca daripada mutu kerja dan bahan binaan yang tidak sempurna di dalam kaedah perolehan tradisional siapakah yang akan dipersalahkan,
- A. Pihak klien
 - B. Pihak perunding
 - C. Pihak kontraktor
 - D. Pihak Pengurusan
- S26.** Kontraktor yang dilantik akan bertanggungjawab melantik kumpulan perundingnya sendiri keatas rekabentuk, pembinaan dan penyiapan projek, Pernyataan ini menunjukkan jenis kontrak
- A. Kontrak Reka dan Bina
 - B. Kontrak Tradisional
 - C. Kontrak Pengurusan
 - D. Kontrak Turnkey



TERBUKA


- S27. Manakah pernyataan yang berikut merupakan keburukan di dalam perolehan secara Reka dan Bina
- A. Hanya bertanggungjawab kepada klien
 - B. Penglibatan pemilik projek yang sangat minimum
 - C. Harga yang tetap untuk projek yang berteknologi tinggi
 - D. Risiko yang tinggi terhadap kontraktor untuk menyiapkannya
- S28. Pernyataan berikut merupakan kelebihan menggunakan perolehan pengurusan, **KECUALI**
- A. Kontraktor akan membina mengikut rekabentuk yang telah ditetapkan sahaja.
 - B. Kontraktor berbincang secara terus kepada klien bagi menentukan bayaran.
 - C. Projek ini sesuai untuk projek yang menelan belanja yang besar.
 - D. Kontraktor akan mengurus secara berfasa.
- S29. Berikut adalah merupakan keburukan di dalam kontrak Pengurusan
- A. Kontraktor akan berperanan sebagai coordinator sahaja.
 - B. Harga sebenar tidak dapat diketahui sehingga projek siap sepenuhnya.
 - C. Kontrak pengurusan akan bertanggungjawab terhadap projek sepenuhnya
 - D. Kerja boleh dimulakan walaupun peringkat rekabentuk belum disiapkan sepenuhnya
- S30. Pilih pernyataan dibawah yang merupakan kriteria yang paling utama dalam faktor pemilihan perolehan tender
- A. Masa – Kos – Kualiti
 - B. Masa – Kos – Ekonomi
 - C. Masa – Kualiti – Sumber
 - D. Masa – Kualiti - Standard
- S31. Antara kegunaan perancangan dan penjadualan kepada kontraktor ialah
- i. Menyusun aktiviti pembinaan secara realistik
 - ii. Merancang masa penghantaran bahan binaan
 - iii. Menyusun jenis loji yang akan digunakan
 - iv. Menilai keperluan buruh dengan aktiviti yang akan dijalankan
- A. i sahaja
 - B. i, ii dan iii
 - C. i, iii dan iv
 - D. i, ii,iii dan iv

TERBUKA

SULIT

- S32. Penggunaan carta bar digunakan dengan meluas dalam pembinaan, kerana
- Mudah membuat ramalan jika berlaku kelewatan aktiviti pembinaan
 - Dapat menunjukkan hubungan logik bagi setiap aktiviti
 - Dapat menunjukkan aktiviti yang kritikal
 - Mudah difahami oleh pelbagai peringkat
- S33. Antara kepentingan Apungan Bebas (*Free Float*) dalam penjadualan projek pembinaan adalah
- Masa ruang untuk kontraktor melewatkan penyiapan sesuatu aktiviti tanpa menjejaskan tempoh penyiapan projek keseluruhannya tetapi mungkin menjejaskan masa mulaan terawal (ES) aktiviti berikutnya.
 - Masa ruang yang boleh digunakan untuk kontraktor memanjangkan tempoh penyiapan sesuatu aktiviti tanpa menjejaskan permulaan awal (ES) aktiviti berikutnya.
 - Masa pihak klien tidak boleh mengarahkan kontraktor membuat sebarang kerja.
 - Masa cuti bagi kerja di tapak.

Soalan S34 hingga S36 adalah berdasarkan Rajah 1



Rajah 1

- S34. Sekiranya aktiviti C lewat selama 1 hari, apakah kesan ke atas tempoh projek
- Akan lewat selama 1 hari
 - Akan lewat selama 3 hari
 - Akan siap pada hari ke 26
 - Akan siap pada hari ke 28
- S35. Projek tersebut dirancang bermula pada 1 Januari 2019 dengan masa bekerja adalah 7 hari seminggu, pada berapa haribulan projek tersebut akan siap?
- 26 Januari 2019
 - 27 Januari 2019
 - 31 Januari 2019
 - 5 Februari 2019

TERBUKA

S36. Laluan kritikal bagi projek tersebut ialah


- A. D-F-G
- B. A-E-F-G
- C. A-B-C-G
- D. Tiada laluan kritikal

S37. Manakah di antara pernyataan benar mengenai Kaedah Gambarajah Dulu (Precedence Diagram Method).

- i. Ia mempunyai empat (4) jenis hubungan logik
- ii. Ia adalah aktiviti di atas anak panah
- iii. Ia menggunakan aktiviti dummy
- iv. Ia adalah aktiviti di dalam nod

- A. ii dan iii
- B. i dan iii
- C. i dan iv
- D. ii dan iv

S38.



Rajah 2


Hubungan logik Aktiviti A dan Aktiviti B dalam RAJAH 2 ialah

- A. Finish-Finish (FF) dengan lag positif
- B. Finish-Start (FS) dengan lag negatif
- C. Finish-Start (FS) dengan lag positif
- D. Start-Start (SS) dengan lag positif

TERBUKA

SULIT

Soalan S39 dan S40 adalah berdasarkan Rajah 3



Rajah 3

S39. ES bagi aktiviti D ialah

- A. 5
- B. 7
- C. 8
- D. 9

S40. Kirakan nilai X

- A. 8
- B. 15
- C. 12
- D. 14

S41. Sumber bagi sesuatu projek pembinaan terdiri daripada komponen berikut, **KECUALI**

- A. Buruh
- B. Bahan binaan
- C. Loji dan peralatan
- D. Perancangan dan penjadualan

S42. Menyemak senarai kuantiti, pelan bangunan dan spesifikasi, menyenaraikan dan menyediakan kuantiti bahan yang diperlukan dan menyusun jadual penggunaan bagi setiap bahan. Aktiviti berikut merujuk kepada

- A. Penggunaan bahan
- B. Penentuan kuantiti
- C. Penyediaan pesanan
- D. Pemilihan pembekal

TERBUKA

- S43. Prosedur penyimpanan bahan binaan merujuk kepada
- A. Rekod
 - B. Bungkus
 - C. Penyusunan
 - D. Semua di atas
- S44. Loji dan peralatan boleh dikategorikan sebagai berjentera dan tidak berjentera. Perolehan loji secara pemilikan sesuai dimiliki jika _____. Sekiranya tidak digunakan boleh disewakan kepada orang lain dan diperolehi secara belian tunai, sewa beli atau pajakan.
- A. loji tersebut digunakan secara maksimum
 - B. loji tersebut diperlukan untuk sesuatu projek
 - C. loji tersebut digunakan untuk satu jangkamasa tertentu
 - D. loji tersebut dapat mempercepatkan pengeluaran dan meningkatkan kualiti
- S45. Berikut merupakan faktor kepada berlakunya peningkatan kos.
- A. Tiada kaedah/cara yang sesuai dalam membuat anggaran dan juga kawalan kos
 - B. Tidak mengambil berat tentang kaedah perancangan dan pengawalan kos
 - C. Menganggapkan terlalu banyak ketidakpastian dalam pembinaan
 - D. Semua jawapan di atas
- S46. Sistem kawalan kos melibatkan
- A. Perancangan kos – Pemantauan – Pembetulan - Perlaksanaan
 - B. Perancangan kos – Pengawalan – Penilaian dan Tindakan – Perlaksanaan
 - C. Peruntukan belanjawan - Perancangan kos – Analisis kos – Pengawasan kos
 - D. Peruntukan belanjawan – Pengawalan – Pemeriksaan – Penilaian dan Tindakan
- S47. Peringkat rekabentuk terdiri daripada rekabentuk kasar, rekabentuk skema dan rekabentuk terperinci. Tunjukkan secara jelas rekabentuk skema bagi pengawalan kos.
- A. Memastikan jumlah kos di peringkat ini tidak melebihi perancangan kos awal berdasarkan anggaran kuantiti kasar
 - B. Menentukan perancangan kos awal tidak melebihi had kos melalui analisa kos
 - C. Menyediakan perancangan kos akhir melalui kaedah anggaran senarai kuantiti
 - D. Menentukan had kos projek anggaran unit atau keluasan lantai

TERBUKA

- S48.** Kumulatif bajet sebenar (CAC) dan kumulatif bajet belanjawan (CBC) adalah berkait rapat dalam sesuatu projek. Hubungkan antara *Cumulative Actual Cost* (CAC) dan *Cumulative Budget Cost* (CBC).
- A. CAC - Kos sebenar yang dibelanjakan untuk aktiviti projek pada masa tertentu, CBC - Jumlah belanjawan yang dianggarkan untuk mencapai kerja yang dijadualkan sehingga satu masa tertentu
 - B. CAC - Jumlah kos keseluruhan bagi semua aktiviti projek, CBC - Jumlah belanjawan yang dianggarkan untuk mencapai kerja yang dijadualkan sehingga satu masa tertentu
 - C. CAC - Jumlah kos keseluruhan bagi semua aktiviti projek, CBC - Jumlah sebenar wang yang dibelanjakan untuk keseluruhan projek selepas selesai
 - D. CAC - Kos sebenar yang dibelanjakan untuk aktiviti projek pada masa tertentu, CBC - Jumlah sebenar wang yang dibelanjakan untuk keseluruhan projek selepas selesai
- S49.** Kawalan mutu bertujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak klien seperti yang dinyatakan dalam _____, semasa proses pembinaan, kawalan mutu diawasi oleh _____.
- A. taklimat dan rekabentuk, pengurus projek
 - B. spesifikasi dan lukisan, pengurus projek
 - C. spesifikasi dan lukisan, penyelia tapak
 - D. jadual perancangan, penyelia tapak
- S50.** Antara berikut, yang manakah **TIDAK** termasuk dalam sistem kawalan kerja.
- A. Jika terdapat sebarang percanggahan daripada piawaian (varians), maka perlu minimakan atau perbetulkan masalah tersebut.
 - B. Proses membuat kawalan secara teratur dikaji semula dan sentiasa dikemaskini bagi memudahkan kawalan keseluruhan.
 - C. Memantau dan mengukur kerja sebenar yang dilakukan mengikut piawaian
 - D. Memahami piawaian dan kehendak kualiti
- S51.** Kriteria yang kurang tepat untuk pembinaan melibatkan penghasilan sesuatu produk dalam keadaan yang berbeza adalah
- A. Penyimpanan bahan dan komponen yang sempurna
 - B. Lokasi projek yang berbeza daripada segi keadaan fizikal
 - C. Penglibatan banyak agensi dan ramai orang yang perlu bekerjasama
 - D. Skop projek, masa yang diperuntukkan dan kualiti yang dikehendaki

TERBUKA

S52. Kemudahan infrastruktur yang perlu ada di tapak pembinaan ialah

- i. Kantin
- ii. Dinding adang
- iii. Jalan keluar masuk
- iv. Pejabat tapak, bilik air/bilik mandi

- A. i dan iv
- B. i dan iii
- C. i, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

S53. Faktor ergonomik yang diambil kira dalam susun atur kemudahan di tapak adalah

- A. Penggunaan ruang yang optima
- B. Penyimpanan bahan yang sempurna
- C. Jaminan keselamatan dan kesihatan pekerja
- D. Pemunggaan bahan dan komponen yang minimum

S54. Dokumen yang perlu ada di tapak adalah seperti berikut, **KECUALI**

- A. Lukisan
- B. Buku cek
- C. Buku harian tapak
- D. Salinan Dokumen kontrak

S55. Bahan binaan yang dihantar di tapak sebaiknya diperiksa terlebih dahulu di atas lori kerana

- A. Kemungkinan berlaku penipuan kuantiti sebelum diturunkan
- B. Ruang yang terhad di tapak pembinaan
- C. Proses pengiraan lebih mudah
- D. Tiada sebab yang khusus


S56. Kebaikan penyewaan loji adalah seperti berikut

- i. Tidak perlu ruang penyimpanan loji
- ii. Loji boleh digunakan pada bila-bila masa
- iii. Pembaikan, penyelenggaraan dan tukar ganti alat ditanggung pemilik loji
- iv. Kos masa lebih ideal jika berlaku masalah cuaca, kelewatan kerja dan sebagainya

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. i, ii dan iii
- D. i, ii, iii dan iv

TERBUKA

S57.



Rajah 4

Jentera dalam Rajah 4 berfungsi untuk

- A. Menyodok dan mengangkat tanah pada jarak yang dekat
- B. Menggali parit dengan kelebaran yang sama dengan cepat
- C. Penggalian tanah yang lembut yang terletak di bawah paras jentera
- D. Menggali lubang di kawasan yang sukar dengan kelebihan pusingan 360°

S58. Jenis-jenis keselamatan yang perlu diawasi di tapak ialah

- i. Pencerobohan
- ii. Keselamatan pekerja
- iii. Keselamatan peralatan
- iv. Keselamatan bahan binaan

- A. i dan ii
- B. i, ii dan iii
- C. i, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

S59. Salah satu tujuan mesyuarat tapak adalah untuk menyelesaikan masalah yang timbul semasa aktiviti pembinaan seperti berikut, **KECUALI**

- A. Masalah kelewatan kerja
- B. Masalah kordinasi kerja di antara subkontraktor
- C. Masalah operasi saman lori “hantu” milik kontraktor
- D. Masalah melibatkan pelan pembinaan yang perlu dirombak

S60. Penyediaan laporan harian tapak adalah berkaitan perkara berikut

- i. Kemajuan projek
 - ii. Rekod sumber kontrak
 - iii. Tarikh penting arahan pengurusan
 - iv. Ubahsuai dalam rekabentuk struktur
-
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. i, ii, iii & iv

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA